

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Bab pertama mengandungi perkara-perkara asas yang perlu ada dalam setiap kajian iaitu, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan diakhiri dengan rangka kajian.

### **1.1 Latarbelakang Kajian**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing bukan lagi perkara baru di Malaysia sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Terdapat pelbagai institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus bahasa Arab seperti di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, begitu juga di universiti-universiti lain yang turut menawarkan mata pelajaran bahasa Arab sebagai mata pelajaran elektif. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing bukanlah perkara baru jika ditinjau dari sudut sejarahnya.

Namun, perbezaan yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kini ialah mengenai kaedah dan pendekatannya. Pada era pengajian pondok, bahasa Arab

diajar bertujuan untuk memahami kitab agama dan kaedah bacaan yang betul. Pendekatan yang digunakan oleh guru-guru bahasa Arab ialah kaedah terjemahan. Ilmu tatabahasa Arab pula diberi penekanan yang penting kerana ia berkaitan dengan makna teks dan cara bacaan yang betul. Sementara bahan bacaan bahasa Arab pula lebih tertumpu kepada teks-teks pengajian sahaja.

Walaupun kaedah ini memberi kesan positif kepada pengajaran bahasa Arab, namun hasilnya tidak begitu memberangsangkan terutama dari sudut kemahiran pertuturan di kalangan pelajar.

Oleh itu, kaedah baru telah digunakan dalam pengajaran bahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran pertuturan di kalangan pelajar. Kaedah-kaedah baru ini mula digunakan dalam pengajaran bahasa Arab komunikasi. Dalam bahasa Arab komunikasi, kemahiran yang paling ditekankan ialah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab. Meskipun begitu, kaedah nahu terjemahan bukanlah diketepikan sama sekali. Keutamaan dalam bahasa Arab komunikasi ini ialah pelajar mampu menggunakan bahasa Arab sebagai media komunikasi mereka.

Oleh yang demikian, buku-buku teks yang disediakan bagi bahasa Arab komunikasi adalah lebih kepada penggunaan bahasa itu dalam kehidupan seharian. Situasi-situasi dipilih sebagai latar dan maklumat bahasa diberikan seperti kosa kata, ucapan-ucapan dan ayat-ayat pendek. Berdasarkan konteks ini pelajar akan dilatih menggunakan bahasa Arab sehingga mereka boleh menguasai aspek penting dalam kemahiran bahasa iaitu sebutan dan ungkapan yang betul dari sudut tatabahasa.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terdapat pelbagai lagi teknik dan aktiviti yang boleh digunakan oleh guru dalam menarik minat pelajar dan memaksimumkan hasilnya, antaranya adalah seperti teknik forum, simulasi, lakonan, syarahan, perbincangan, dan lain-lain lagi. Justeru guru mestilah peka dan berkemampuan untuk memilih teknik-teknik yang sesuai dan memberansangkan pada setiap kali pengajaran berlangsung. Kepekaan ini dapat membantu pelajar belajar dalam suasana yang menyeronokkan dan lebih bermakna.

Secara umumnya terdapat dua strategi pengajaran dan pembelajaran yang kebiasaannya digunakan oleh guru ketika menyampaikan isi pelajaran iaitu strategi berpusatkan guru dan strategi berpusatkan murid. Strategi pemusatan guru adalah strategi pengajaran dan pembelajaran tradisi yang telah lama diamalkan dalam bilik darjah. Melalui strategi ini guru memainkan peranan yang penting, sedangkan murid hanya berperanan sebagai penonton sahaja. Interaksi yang berlaku antara murid dan guru adalah sehalu dimana yang banyak bercakap adalah guru manakala pelajar bertindak sebagai pendengar dan penerima sahaja. Antara contoh teknik yang digunakan mengikut strategi ini adalah seperti, demonstrasi, bercerita, memberi penerangan dan syarahan.

Melalui strategi yang berpusatkan guru, maka murid-murid tidak berpeluang untuk memberikan pendapat dan pandangan mereka, kerana murid-murid hanya berpeluang mendengar apa yang disampaikan oleh guru kemudian menghafal fakta-fakta penting yang berkaitan dengan peperiksaan, ini menghadkan pelajar untuk membuat interpretasi mereka sendiri berkaitan pelajaran.

Pemilihan strategi, teknik dan aktiviti pengajaran yang baik dapat membina kefahaman pelajar terhadap pelajaran di bilik darjah serta dapat memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar, sistematik, menarik dan meyeronokkan pelajar seterusnya memudahkan pelajar memahami isi pelajarannya. Menurut Lickona (1999) pembelajaran dalam keadaan ini akan menyebabkan konsep, fakta atau kemahiran yang dipelajari akan lebih cepat difahami atau mudah dikuasai.

Perkara tersebut diperkuatkan oleh Robert Lado (1964: 3) menyatakan bahawa kita sedang menyaksikan perubahan-perubahan terbesar dalam sejarah pengajaran bahasa, iaitu perubahan yang menyentuh setiap aspek kajian yang dikenali pada zaman ini. Dahulu bahasa hanya dikaji oleh segolongan kecil manusia sebagai tanda orang terpelajar tetapi sekarang ia dipelajari oleh semua golongan masyarakat Begitu juga dengan kaedah pembelajaran ianya turut berubah dengan pesat. Apa yang menjadi matlamat sebelum ini yang kebiasaanya terhad pada lingkungan kepada beberapa bahan sastera yang terpilih sahaja telah mengalami perluasan sehingga mencakupi perkara yang berkaitan dengan perhubungan lisan serta memahami pertuturan sesuatu bangsa dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan kepentingan manusia.

Perubahan ini berlaku adalah berdasarkan kepada empat perkara berikut iaitu, kemajuan pesat teknologi, kemunculan teknik mengajar yang baharu, penciptaan alat yang canggih seperti alat perakam dan alat video serta minat yang mendalam dalam diri untuk mempelajari sesuatu bahasa.

Senario ini menggambarkan kepada kita bahawa pembelajaran bahasa sentiasa berkembang dan melalui perubahan, termasuklah pembelajaran bahasa Arab. Justeru

untuk memperkembangkan lagi pembelajaran bahasa Arab, strategi, pendekatan dan aktiviti haruslah diambil berat oleh guru agar objektif yang hendak dicapai dapat direalisasikan.

Oleh yang demikian, penyelidik berminat untuk menjalankan kajian ke atas salah satu aktiviti dalam pembelajaran bahasa yang pada hemat penyelidik ianya akan memberikan kesan yang baik dan positif dalam membantu pelajar mempelajari bahasa Arab terutama dalam aspek kemahiran bertutur, aktiviti yang dimaksudkan adalah aktiviti lakonan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Ahmad Fikri Hj. Hussin (1995 : 91) menyebut :

*"Dalam pengajaran bertutur, guru-guru mendapati bahawa aspek yang bermasalah kepada pelajar adalah dari segi perbendaharaan kata, nahu, morfologi dan ayat. Aspek yang paling banyak menimbulkan masalah kepada mereka adalah perbendaharaan dan nahu".*

Melalui hasil kajian di atas, penyelidik memperolehi gambaran bahawa kemahiran bertutur merupakan antara kemahiran berbahasa yang sukar dan memerlukan usaha yang berterusan untuk membantu pelajar.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik sebagai guru bahasa Arab terdapat juga masalah lain yang sering dihadapi oleh pelajar bahasa asing semasa bertutur, antaranya masalah berkaitan sebutan bahasa (fonetik) dan pemilihan ungkapan yang betul dari segi makna dan maksud serta keyakinan dan keberanian untuk bertutur dalam bahasa asing yang dipelajari. Mereka mudah menguasai kemahiran membaca, menulis dan mendengar, tetapi apabila melibatkan pertuturan mereka menjadi kaku dan kurang keyakinan. Masalah tersebut sudah pastinya akan menghalang kita daripada mencapai objektif dalam pembelajaran bertutur bahasa Arab yang pada hemat penyelidik ianya mesti dicapai oleh setiap pelajar.

Bagi mengatasi masalah pertuturan dan seterusnya dapat mencapai objektif pembelajaran bertutur, penyelidik-penyelidik terdahulu telah mencadangkan pelbagai kaedah. Antaranya Coombs dalam Siti Aisyah Mohd. Elias (1999) menyatakan bahawa pembelajaran adalah lebih berkesan jika pelajar berasa dirinya terlibat dalam hal-hal yang berlaku dalam bilik darjah. Pelajar-pelajar akan berasa gembira jika diberi peluang untuk menyumbang kepada aktiviti di dalam bilik darjah dan dianggap seorang daripada ahli pasukan.

Oleh itu, aktiviti pembelajaran yang dapat memberikan pengalaman langsung di bilik darjah seperti penggunaan aktiviti lakonan dianggap wajar digunakan. Aktiviti lakonan adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran aktif yang melibatkan murid melakukan sesuatu seperti membaca skrip, menghafal, menghayati dan memikirkan tentang apa yang mereka lakukan. Untuk merangsang pelajar supaya aktif dan bersemangat dalam pembelajaran, ransangan pertuturan dan penglihatan perlu diadakan. (Wessels C. 1987 : 15)

Aktiviti lakonan merupakan salah satu cara pembelajaran berbentuk komunikatif yang memerlukan pelajar untuk berkomunikasi dan menggunakan bahasa mereka, melalui pendekatan ini keempat-empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat digabungkan disamping menekankan kepada aspek kecekapan komunikasi pelajar dan kemahiran- kemahiran sosial yang diperlukan untuk perbualan dan perhubungan yang berkesan.

Aktiviti lakonan juga bertujuan untuk memperkembangkan penyuburan diri individu secara menyeluruh dari aspek intelek, rohani, emosi, jasmani, kreativiti, disiplin, sikap estetika dan motivasi. Pembelajaran adalah lebih berkesan apabila emosi dilibatkan melalui pengalaman dan hal ini dapat diperkukuhkan seandainya penggunaan bahasa yang baik dikombinasikan.

Berdasarkan kepada kelebihan aktiviti lakonan dalam pembelajaran bahasa, penyelidik dapat simpulkan bahawa aktiviti lakonan merupakan salah satu aktiviti yang baik dan sewajarnya dilaksanakan di dalam kelas semasa pembelajaran bahasa samada dalam pembelajaran bahasa ibunda ataupun bahasa asing.

Namun persoalannya, adakah aktiviti ini dapat membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab terutamanya dari aspek pertuturan? Justeru, melalui penyelidikan ini penyelidik ingin meninjau apakah persepsi dan pandangan pelajar terhadap aktiviti ini dalam membantu mereka mempelajari bahasa Arab khususnya dari aspek pertuturan.

Melalui kajian yang akan dijalankan, penyelidik juga menggunakan aktiviti lakonan sebagai satu aktiviti pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi kemahiran bertutur.

Melalui aktiviti lakonan juga penyelidik akan mengenalpasti dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab ketika aktiviti lakonan dijalankan serta cadangan untuk mengatasinya di samping mengenalpasti tahap penglibatan mereka dalam aktiviti lakonan tersebut.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut :

- 1) Meninjau persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti lakonan.
- 2) Mengenalpasti tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti lakonan.
- 3) Mengenalpasti dan menganalisis permasalahan yang dihadapi oleh pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab sepanjang aktiviti lakonan serta memberikan cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

### **1.4 Soalan Kajian**

Kajian ini ini akan menjawab soalan-soalan berikut :



- 1) Apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan aktiviti lakonan dalam pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas?
- 2) Sejauhmanakah penglibatan pelajar di dalam aktiviti lakonan?
- 3) Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa bertutur menggunakan bahasa Arab semasa aktiviti lakonan dijalankan?
- 4) Apakah cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah pertuturan yang dihadapi pelajar?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangat penting kerana dapatannya akan menunjukkan sejauhmana kemampuan pelajar bertutur bahasa Arab melalui aktiviti lakonan di samping dapat mengetahui apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan aktiviti ini dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini juga amat penting khususnya kepada pihak-pihak yang berikut :

- i. **Penyelidik**

Penyelidik sebagai tenaga pengajar bahasa Arab dapat melihat sejauhmana penerimaan pelajar terhadap aktiviti lakonan semasa pembelajaran, terutama dalam membantu

memperbaiki pertuturan mereka. Dapatan kajian ini dapat digunakan oleh penyelidik dalam penyediaan rancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di tempat penyelidik berkhidmat.

ii. Guru Bahasa Arab

Dapatan kajian ini juga penting kepada guru bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah dan menengah supaya mereka ini lebih peka dengan keperluan dan minat pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru guru perlu cuba mempelbahagikan aktiviti seamas P&P bahasa Arab dan mendalami sesuatu aktiviti terlebih dahulu supaya ianya lebih berkesan.

iii. Pihak Sekolah

Pihak sekolah dapat merancang dan menyusun aktiviti atau program yang menekankan kepada kemahiran bertutur termasuk aktiviti lakonan kepada pelajar-pelajar .

iv. Kementerian Pelajaran Malaysia

Bagi pihak kementerian, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan untuk menerapkan aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa kepada guru-guru di bawah seliaan kementerian. Pihak KPM juga boleh mengubahsuai sukatan dan persembahan

buku teks supaya lebih menitikberatkan kepada pertuturan bahasa Arab melalui aktiviti lakonan. Selain itu, pihak kementerian boleh juga mengadakan kursus-kursus tentang penggunaan aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa kepada guru-guru.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini membincangkan tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan aktiviti lakonan di dalam pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas dan melihat tahap penglibatan mereka dalam aktiviti lakonan tersebut bagi menenalpasti keupayaan bertutur pelajar dan apakah masalah yang dihadapi mereka semasa bertutur dalam bahasa Arab.

Bagi meninjau proses pembelajaran pertuturan bahasa Arab, penyelidik membataskan kajian ini kepada sebuah kelas daripada tingkatan empat aliran agama (Arab) SMKA Kuala Lumpur yang melibatkan seramai 30 pelajar.

Kelas tingkatan empat tersebut dipilih berdasarkan kriteria mereka telah menamatkan tingkatan satu, dua dan tiga. Ini memungkinkan mereka untuk bertutur dan membina ayat kerana mereka telah mempelajari bahasa Arab selama hampir empat tahun. Pelajar tingkatan empat juga tidak terlibat dengan peperiksaan awam, maka ini memudahkan penyelidik dalam melaksanakan kajian ini kerana tidak mengganggu penumpuan mereka terhadap peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur telah dipilih kerana sekolah ini menawarkan aliran bahasa Arab selepas tamatnya Penilaian Menengah Rendah (PMR), selain faktor geografinya yang berhampiran dengan lokasi kediaman penyelidik yang memudahkan untuk melaksanakan kajian ini .

Kajian ini juga terhad kepada pertuturan yang dilakonan oleh pelajar semasa aktiviti lakonan di dalam kelas dengan menggunakan tema lakonan yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab dan tidak terkeluar daripada sukatan pelajaran bahasa Arab yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian ini tidak melibatkan perkara berikut :

- i. Kemahiran menulis, membaca dan mendengar.
- ii. Selain daripada aktiviti lakonan.
- iii. Pelajar selain dari tingkatan empat yang menjadi sampel kajian.

## **1.7 Rangka Kajian**

Kajian yang dijalankan dibahagikan kepada lima bab yang mengandungi perkara-perkara tertentu seperti berikut :

### **1.7.1 BAB 1 : PENGENALAN**

Dalam bab pertama ini pengkaji membincangkan perkara asas kajian seperti, pengenalan tajuk kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan-soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan rangka kajian.

### **1.7.2 BAB 2 : ASPEK TEORI DAN KAJIAN BERKAITAN**

Menerusi bab ke dua pula penyelidik membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dan pertalian dengan kajian ini samada secara langsung atau tidak langsung. Melalui kajian lepas penyelidik cuba mengenalpasti metodologi yang digunakan dan kewujudan jurang kajian yang belum dikaji oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Dalam bab ini juga penyelidik membincangkan aspek teori yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian.

### **1.7.3 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

Manakala dalam bab yang ketiga penyelidik menjelaskan metodologi yang digunapakai dalam melaksanakan kajian ini untuk mencapai objektif yang digariskan. Penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif daripada bentuk data yang diperolehi daripada instrumen kajian yang ditetapkan melalui soal selidik terhadap sampel kajian, pemerhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan rakaman video ke atas aktiviti lakonan yang dilakukan.

#### **1.7.4 BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Bab ke empat pula akan dimuatkan dengan perbincangan mengenai data yang diperolehi daripada responden kajian menerusi soal selidik, pemerhatian dan rakaman terhadap aktiviti di dalam kelas, seterusnya penyelidik akan menjalankan analisis setiap data yang diperolehi, melalui penggunaan SPSS dan manual dan seterusnya penyelidik membuat interpretasi dan kesimpulan bagi kajian ini.

#### **1.7.5 BAB 5 : KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

Dalam bab kelima pula penyelidik akan mengemukakan rumusan hasil daripada kajian yang dijalankan. Penyelidik juga akan mengemukakan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk meningkatkan lagi kemahiran berbahasa pelajar bahasa Arab terutama kemahiran pertuturan. Penyelidik juga akan mengemukakan cadangan kajian lanjutan berkaitan yang boleh diterokai oleh penyelidik-penyelidik akan datang.

### **1.8 Penutup**

Melalui bab pertama ini pengkaji telah membincangkan latar belakang, dasar-dasar, dan deskripsi kajian ini secara umum. Perkara yang dibincangkan memberikan gambaran secara umum kepada pembaca tentang isi keseluruhan kajian bagi kajian ini.

Perbincangan dan perbahasan yang lebih mendalam akan menyusul bagi lebih mendekati dan mendalami kandungan kajian ini.

Kajian ini adalah lebih berfokus apakah persepsi pelajar terhadap aktiviti lakonan ini dalam membantu meningkatkan kemahiran bertutur pelajar Melayu di sekolah menengah agama khususnya di tingkatan empat yang menjadi sampel kajian ini. Begitu juga menerusi kajian ini penyelidik juga melihat sejauhmana penglibatan pelajar dalam aktiviti ini.

Penyelidik berharap disertasi ini akan dapat memberikan manfaat kepada pencinta bahasa Arab, seperti guru-guru, pelajar, penyelidik dan mereka yang terlibat dalam penghasilan bahan-bahan pengajaran bahasa Arab.